

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 26.11.2021 MASA: 9.00AM

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN HARI PASUKAN BERUNIFORM MAJLIS  
BANDARAYA SEBERANG PERAI 2021

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**28 NOVEMBER 2021 (AHAD)**

**9.00 PAGI**

**MEDIA LOUNGE  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Saudara WHIP Parti

**Encik David Marshel a/l Pakianathan**

**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**

**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Saudara Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

**Tuan Sr Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Warga Kerja**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Hari Pasukan Beruniform Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Saudara WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Yang Berusaha Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada MBSP khususnya dalam merealisasikan segala perancangan dan program-program yang dirancang oleh MBSP. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan.

Pada hari ini tanggal 28 November 2021, kita menempa sejarah, meraikan **Hari Pasukan Beruniform MBSP** yang pertama bagi mengiktiraf peranan dan sumbangan serta menghargai dan memberi penghormatan yang tinggi kepada semua pegawai dan anggota pasukan beruniform di

Majlis Bandaraya Seberang Perai. Saya amat berharap agar Sambutan Hari Pasukan Beruniform MBSP dijadikan acara sambutan tahunan dalam kalendar majlis.

Justeru, saya ingin mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada jabatan-jabatan yang terlibat bagi merealisasikan program Sambutan Hari Pasukan Beruniform MBSP 2021 ini. Tahniah kepada Pengarah Direktorat Penguatkuasaan, Tuan Nazri Bin Abdul Wahab, Pengarah Direktorat Penguatkuasaan dan pasukannya, Tuan Mohd Firdaus bin Ghosni, Penolong Pengarah dan Tuan Jaafar bin Ismail, Penolong Pegawai Penguatkuasa Kanan yang merupakan peneraju utama dalam merealisasikan **Hari Pasukan Beruniform MBSP**. Di samping itu saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Perbendaharaan, Pengarah Pelesenan dan Ketua Bahagian Keselamatan Dan Komuniti, yang mempunyai anggota penguatkuasa beruniform dan semua yang bertungkus-lumus terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan program pada pagi ini.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Hari Pasukan Beruniform Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021 menghimpun semua jabatan penguatkuasaan yang terlibat iaitu Direktorat Penguatkuasaan, Bahagian Keselamatan dan Komuniti, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Perbendaharaan. Pada hari ini, dengan sukacitanya MBSP berbesar hati dan berbangga untuk menganugerahkan penghargaan kepada pegawai dan anggota penguatkuasaan yang telah menunjukkan prestasi dan khidmat yang cemerlang dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan. Anugerah ini dinilai berdasarkan pencapaian yang ditunjukkan semasa menjalankan tugas penguatkuasaan.

Pada masa Pandemik COVID-19, bermula 18<sup>th</sup> Mac 2020 sehingga 8<sup>th</sup> November 2021, apabila negara memasuki Fasa 4 PPN, pasukan penguatkuasa MBSP bersama wira barisan hadapan MBSP telah melakukan 1,201,523 pemeriksaan. Mereka telah bekerja melebihi kapasiti tugas harian mereka, berdepan dengan risiko jangkitan COVID-19 dan kematian. Sepanjang tempoh tersebut dan sehingga 24 November 2021 seramai 391 orang dijangkiti COVID-19 (positif) dan Sembilan (9) orang telah meninggal dunia akibat COVID-19 di kalangan warga kerja MBSP. Datuk Bandar mendoakan mereka yang gugur diberi keampunan oleh Allah S.W.T.

Penguatkuasaan yang efektif adalah suatu proses yang berterusan bagi memastikan visi dan misi jabatan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Ianya bukan saja menyumbang kepada pengukuhan jabatan, malahan untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang digunapakai di MBSP. Bagi menjayakan matlamat ini, perkara asas yang perlu ada pada semua pegawai dan anggota penguatkuasaan adalah menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh ikhlas, amanah, berintegriti dan bersungguh-sungguh, tekun serta penuh istiqamah. Ianya hendaklah dilakukan dari dalam diri atau motivasi dalaman seseorang pegawai dan anggota penguatkuasa dan menjadi punca semangat yang jitu untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Ketegasan dalam mengambil sesuatu tindakan dalam aspek penguatkuasaan perlu diberi perhatian oleh semua penguatkuasa. Kesemua ketetapan dan SOP penguatkuasaan perlu dipatuhi agar matlamat tercapai dengan berkesan. Selain itu, persediaan penguatkuasa dari segi mental dan fizikal yang baik dapat menyumbang kepada keberkesanan penguatkuasaan. Disiplin yang tinggi perlu ditonjolkan bagi penghasilan kerja yang berkualiti. Gabungan kesemua faktor-faktor ini

dapat menghasilkan kepada mutu perkhidmatan '*service delivery*' yang baik kepada seluruh penduduk Seberang Perai.

Justeru, jasa dan pengorbanan semua pegawai penguatkuasa MBSP adalah satu pengorbanan yang amat besar. Kesungguhan bekerja, tenaga dan kesanggupan melakukan tugas-tugas melebihi masa adalah suatu pengorbanan yang amat besar. Saya berdoa agar semua pengorbanan yang dicurahkan ini mendapat keberkatan dan seterusnya menjadikannya sebagai satu ibadah.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Justeru, MBSP telah melaksanakan 11 penjenamaan semula pasukan penguatkuasaan MBSP untuk menyuntik semangat baru, supaya terus gagah mengharungi saat-saat getir yang akan dilalui di masa-masa akan datang.

1. Penggabungan penguatkuasaan di bawah satu pegawai pemerintah Pesuruhjaya Penguatkuasaan iaitu Datuk Bandar. Kekuatan aset MBSP dari segi tenaga kerja pegawai dan

penguatkuasa adalah seramai 235 orang iaitu 155 anggota penguatkuasa daripada Direktorat Penguatkuasaan, 17 anggota penguatkuasa atau bailif daripada Jabatan Perbendaharaan, 42 anggota polis bantuan dan pengawal keselamatan daripada Bahagian Keselamatan dan Komuniti, dan 21 anggota pembantu penguatkuasa daripada Jabatan Pelesenan.

2. Meningkatkan keupayaan *surveillance* harta majlis bernilai RM0.76 billion yang bertebaran diseluruh Seberang Perai yang berkeluasan 738km persegi, mengawasi kutipan tunai bernilai RM100,000.00 pada hari-hari biasa dan RM5juta semasa puncak.
3. Warden Lalulintas adalah salah satu aspek penguatkuasaan yang melibatkan lalulintas trafik. Justeru, kenderaan Warden Lalulintas diperkemas dengan imej yang lebih menyerlah bagi pemantauan di lokasi-lokasi yang strategik, terutamanya di sepuluh (10) lokasi *hotspot* di Seberang Perai. Selain itu, keberadaan Warden Lalulintas di lokasi utama ini dapat memberikan laporan dan mengawal lalulintas bagi kemudahan penduduk Seberang Perai.



4. Bekerjasama dengan PDRM untuk mengadakan sekatan jalan raya bagi memastikan kenderaan pengangkut sampah mempunyai permit pelupusan sampah untuk membasmi pembuangan sampah haram.
5. Meningkatkan keupayaan rondaan, kawalan dan pemeriksaan di kawasan "*Free Industrial Zone*" (FIZ) yang berkeluasan 2.5 km persegi dengan 54 buah kilang [46 kilang dan tiga (3) gudang yang beroperasi dan lima (5) kilang tidak beroperasi]. MBSP adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan Akta Zon Bebas 1990 dan Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991.
6. Pendidikan penguatkuasaan. Pada tahun 2021, dengan pewartaan Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) 2020 dan Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan, Parit dan Bangunan 2020 yang baru, Jabatan Undang-Undang telah melaksanakan program pemahaman undang-undang berhubung UUK mengkompaun tersebut kepada pegawai-pegawai penguatkuasa MBSP.

- a. Taklimat berhubung pemahaman undang-undang melibatkan Akta 171 dan Akta 172.
  - b. Kursus Tatacara Pengendalian Saksi dan Pengemukaan Keterangan.
  - c. Kursus Pengeluaran Kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) 2020 dan Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan, Parit dan Bangunan 2020.
  - d. Beberapa program pendidikan dan penguatkuasaan juga akan diadakan dalam tahun 2022 iaitu Kursus Pemahaman Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Peraturan Lalulintas 1959 kepada 180 orang anggota penguatkuasaan MBSP dan Kursus Penyiapan Diri sebagai Pegawai Pendakwa..
7. Tindakan penguatkuasaan kenderaan buruk telah diambil di mana pada tahun 2020, sebanyak 132 buah kenderaan buruk telah diambil tindakan dan pada tahun 2021 (sehingga Oktober 2021, sebanyak 114 buah kenderaan buruk telah diambil tindakan.

8. Pada hari ini, MBSP ingin menonjolkan pakaian uniform yang baru yang akan dipakai oleh Direktorat Penguatkuasaan. Uniform yang baru ini adalah uniform yang telah dipersetujui oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia dan telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan telah diluluskan serta diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Warna pada uniform ini adalah diseragamkan untuk semua PBT bagi membezakan identiti penguatkuasaan yang ada di Malaysia.
9. Bahagian Keselamatan dan Komuniti MBSP memperkenalkan alat muzik tetuang yang akan digunakan dalam majlis rasmi pasukan beruniform MBSP bagi menandakan permulaan sesuatu majlis. Pemain alat tetuang adalah diberi latihan khas dan alunan tiupan muzik tetuang dapat memberikan semangat yang berbeza kepada pasukan beruniform MBSP.
10. Permohonan penambahan 300 anggota polis bantuan pada 16 Oktober 2020 dan telah mendapat kelulusan Ibu Pejabat Kontijen (IPK) Pulau Pinang. Ianya akan memberi gandingan yang mantap kepada PDRM bagi mencapai keselamatan pelabur dan rakyat Seberang Perai, seterusnya menjadi destinasi pelaburan asing di rantau ini.

11. Mempertimbangkan untuk memberi pegawai penguatkuasa kuasa untuk membawa kes pendakwaan ke Mahkamah pada masa hadapan. Selain itu, anggota penguatkuasa akan menggunakan sepenuhnya seksyen-seksyen yang berkaitan kuasa yang diperturunkan kepada Warden Lalulintas untuk menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya amat mengharapkan agar Sambutan Hari Pasukan Beruniform MBSP ini dapat diadakan pada setiap tahun. Inilah masa dan ketikanya kita berpeluang menilai dan muhasabah secara bersama tentang apa-apa kelemahan yang boleh kita baiki dan meraikan kejayaan yang telah kita capai. Pada kesempatan ini, saya dengan ini ingin mengucapkan “SELAMAT MENYAMBUT HARI PASUKAN BERUNIFORM MBSP 2021” kepada semua pasukan beruniform MBSP.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus-lumus serta Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBSP dan warga Seberang Perai yang memberikan sokongan padu

dan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***